

Headline	Henti sebar dakyah burukkan Tabung Haji		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Nov 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	25	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	185 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,288
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,864



**Pasir Mas:** Orang ramai diminta tidak menyebarkan khabar angin kononnya Lembaga Tabung Haji (TH) akan bankrap sehingga tidak mampu membayar bonus atau dividen kepada pendeposit.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, dakwaan itu sebenarnya tidak menjejaskan operasi TH, malah orang ramai semakin yakin apabila jumlah pendeposit meningkat dari bulan ke bulan.

Katanya, pendeposit TH juga memperoleh dividen

## Henti sebar dakyah burukkan Tabung Haji

melebihi enam hingga lapan peratus setiap tahun berbanding perbankan lain sekitar tiga peratus.

"Pembayaran dividen atau bonus yang meningkat itu memberi keyakinan kepada orang ramai untuk terus membuat simpanan di TH.

"TH diamanahkan untuk mengendalikan simpanan berkonsep Wadiah iaitu menjalankan urusan pelaburan, perniagaan dan sebagainya oleh pendeposit serta

**“ Kita sebagai penggerak akan mencari pelabur dan mengutip pulangan untuk mengagihkan bonus atau dividen kepada penyimpan ”**

**Jamil Khir Baharom**

kita tidak boleh sewenang-wenangnya membelanjakan wang berkenaan.



"Kita sebagai penggerak akan mencari pelabur dan mengutip pulangan untuk mengagihkan bonus atau dividen kepada penyimpan," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Majlis Seminar Pembangunan Islam di Malaysia di Kolej Kemahiran Tinggi Mara, di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua UMNO Bahagian Rantau Panjang, Datuk Abdullah Mat Yassin.

Jamil Khir berkata demikian sebagai mengulas pe-

nyebaran khabar angin yang mendakwa TH akan bankrap menerusi aplikasi WhatsApp.

Beliau berkata, kerajaan sensitif dengan khabar angin itu dan memberi jaminan terhadap wang pendeposit serta meminta masyarakat tidak menyerang tanpa bukti.

"TH juga mempunyai jabatan audit sendiri yang diketuai Tan Sri Ambrin Buang yang sedang membuat audit sebelum pembayaran bonus atau dividen diagih kepada penyimpan awal tahun hadapan," katanya.